

CNS3666

R GB 29-01 00149 BH165

Bah

Mahathir - Anak

MAHATHIR LARANG ANAK MASUK UMNO UNTUK ELAK DITUDUH WUJUD DINASTI JITRA, 29 Jan (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau melarang keluarganya menyertai UMNO kerana ingin mengelak daripada dituduh mahu mewujudkan "dinasti" dalam parti itu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak berniat mencari kepentingan untuk dirinya dari parti dan sebab itu beliau melarang keluarganya, termasuk isteri dan anak-anaknya, menyertai UMNO.

"Masuk sebagai anggota biasa boleh, nak pegang jawatan tak boleh," katanya pada majlis perjumpaan dengan penduduk Kubang Pasu di Dewan Jitra, di sini hari ini.

Katanya, beliau juga melarang isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali daripada bergiat aktif dalam parti itu, misalnya, tidak boleh menjadi Ketua Wanita UMNO.

Beliau berkata demikian untuk menjawab tohmahan sesetengah pihak terhadapnya berkaitan tindakan kerajaan meminda Perlembagaan bagi menghadkan imuniti Raja-raja. -- Lagi

▼29/01/20-49MST

CNS3668

R GB 29-01 00118 BH166

Bah

Mahathir. - Anak 2 (Akhir) Jitra

Menurut Dr Mahathir, tohmahan-tohmahan itu kini sudah mula mengaitkan keluarganya, termasuk anak-anaknya.

Beliau berkata ekoran pendedahan mengenai kesalahan Raja-raja, kini ada pihak yang menuduh bahawa beliau juga menerima bermacam-macam hadiah.

Beliau mengaku menerima banyak hadiah dan disimpan di rumahnya tetapi katanya hadiah-hadiah itu diberikan kepadanya atas sifatnya sebagai Perdana Menteri.

Beliau berkata apabila beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri atau sudah meninggal dunia, hadiah-hadiah itu akan dipulangkan kepada rakyat untuk disimpan dalam muzium supaya rakyat boleh melihatnya.

Katanya, Perdana Menteri yang terdahulu, seperti Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn juga menerima banyak hadiah yang kini tersimpan di muzium.

-- Bernama

▼29/01/20-50MST